

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13

Usaha perlu berdasar tiga fokus Bajet 2022

Usaha perlu berdasar tiga fokus Bajet 2022

Dari Muka 12

S: Ada yang berpendapat GLC/GLIC ini banyak mempunyai objektif komersial dan tidak cukup 'rapat' kepada rakyat. Apa komen Datuk Seri?

J: Ini satu pendapat tidak tepat. Hakikatnya, selama berbilang tahun, GLC/GLIC banyak melaksanakan langkah untuk memanfaatkan rakyat secara langsung. Secara keseluruhan, GLC/GLIC mengaji kira-kira 500,000 tenaga kerja negara. Secara tidak langsung pula, GLC/GLIC menyokong berjuta tenaga kerja melalui ekosistemnya merangkumi pelbagai syarikat swasta, daripada bersaiz kecil, sederhana dan besar.

Melalui inisiatif Jamin-Kerja yang saya lancarkan pada 19 Februari, kerajaan juga ada program Malaysian Short-Term Employment Programme (MySTEP), iaitu GLC/GLIC menyediakan peluang pekerjaan secara kontrak terutamanya kepada graduan atau siswazah sehingga 12 bulan untuk memberi mereka peluang menimba pengalaman bekerja dan mendapat pendedahan kepada sektor dan industri tertentu. Pada tahun 2021, melalui MySTEP, kerajaan berjaya menempatkan 21,541 tenaga kerja termasuk siswazah di GLC/GLIC berbanding sasaran sebanyak 15,000. Ramai antara mereka yang diserap sebagai pekerja tetap selepas berakhirnya penempatan MySTEP ini.

Pada tahun ini, MySTEP menasihatkan penempatan sebanyak 30,000 pekerjaan di GLC/GLIC. Ini menyumbang kepada sasaran keseluruhan kerajaan untuk mencipta 600,000 peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia, yang juga menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran negara ke tahap kurang daripada empat peratus menjelang hujung tahun ini.

S: Jelas sekali GLC/GLIC amat penting dalam ekosistem ekonomi negara. Apakah pula saranan Datuk Seri kepada GLC/GLIC dari segi tanggungjawab sosial mereka?

J: Ya, tanggungjawab sosial juga adalah satu cara GLC/GLIC rapat dengan rakyat. GLC/GLIC menubuhkan Rangkaian Tindak Balas Bencana GLC/GLIC atau GLC/GLIC Disaster Response Network (GDRN) pada 2013. Objektif utamanya adalah untuk menyelaraskan usaha bantuan sosial dan pembinaan semula, terutamanya untuk komuniti terjejas akibat bencana alam atau malapetaka. Ia kini diurus bersama oleh



Isma'ail Sabri bergambar selepas Pelancaran Hari Terbuka GLC 2022 pada 11 Mac lalu. (Foto BERNAMA)

Yayasan Hasanah dan Yayasan TM. Sumbangan pelbagai GLC dan GLIC diselenggarakan dengan usaha sama pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agar sumber dapat dioptimumkan untuk memajukan lebih ramai yang memerlukan bantuan, terutama sejak 2020 apabila pandemik COVID-19 bermula.

Buat masa ini, saya difahamkan GDRN juga masih aktif dalam menyelaraskan sokongan GLC dan GLIC untuk membantu NADMA dan Jabatan Kebajikan Malaysia bagi krisis banjir luar biasa sejak Disember 2021. Kalau boleh, kita mahukan penyaluran dan kerjasama berterusan melalui platform GDRN kerana inilah teras konsep Keluarga Malaysia.

Memandang ke hadapan, saya fikir GDRN boleh menjadi sebuah rangkaian yang bukan saja bersifat responsif, tetapi menjadi lebih proaktif menyediakan bantuan kepada Keluarga Malaysia yang memerlukan. Saya maklum setiap GLC/GLIC mempunyai aktiviti tanggungjawab sosialnya, merangkumi pendidikan, kelestarian alam sekitar dan sebagainya.

Namun, lebih baik jika usaha ini dapat diselenggarakan bersama melalui platform GDRN ini. Dari segi keberhasilan, ini semua akan mengurangkan pertindihan usaha dilaksanakan GLC/GLIC secara sendiri dan meningkatkan kecekapan dalam menggunakan peruntukan sumber.

Apabila ada sebuah platform menyelaraskan usaha ini, kita juga boleh mengumpul data untuk memastikan tiada Keluarga Malaysia tertinggal dari segi menerima bantuan dan membina kehidupan bermakna. Secara tidak langsung, ini juga akan mewujudkan ketelusan untuk program dijalankan GLC/GLIC, di samping memastikan

keberkesanan dalam hasil usaha impak sosial.

S: Pada 11 Mac, Datuk Seri melancarkan Hari Terbuka GLC untuk memberi peluang kepada Keluarga Malaysia mendekati dan mengenali GLC dan GLIC. Sudah pasti Keluarga Malaysia ingin mengetahui bagaimana GLC dan GLIC dapat menyumbang kepada usaha memulih dan memajukan ekonomi negara?

J: Pada pendapat saya, usaha GLC dan GLIC pada tahun ini perlu berdasar tiga fokus utama Bajet 2022 iaitu Keluarga Malaysia, Pertahanan dan Ekonomi. Bagi fokus pertama, GLC dan GLIC perlu bekerjasama rapat dengan kerajaan dalam memulih kehidupan Keluarga Malaysia secara menyeluruh, merangkumi mata pencarian, pekerjaan dan penambahbaikan kesihatan awam.

GLC amat komited menyediakan 30,000 peluang pekerjaan melalui inisiatif Jamin Kerja pada tahun ini. Melalui penampilan baharu GDRN, GLC dan GLIC menyumbang kepada peningkatan kualiti

pendidikan dan juga kesihatan awam, terutama bagi golongan tumpuan dan memerlukan.

Fokus kedua ialah mengembalikan kepercayaan dan daya saing perniagaan menerusi pelbagai inisiatif seperti pembiayaan perniagaan dan sokongan kepada PMKS melalui ekosistem GLC dan GLIC, termasuk peniaga dan syarikat Bumiputera. Ini termasuk inisiatif Jalanan GLC, Memperkas PKS bernilai RM5 bilion bagi membantu usahawan PMKS.

Selain itu, GLC juga menyokong PMKS dengan sempadan negara dibuka pada 1 April ini, saya yakin ia akan merencanakan ekonomi, sekaligus membantu bukan sahaja GLC dan GLIC, tetapi syarikat berkaitannya berkembang.

Fokus ketiga harus diberikan keutamaan GLC dan GLIC ialah usaha pemulihan ekonomi supaya kembali mampan dan merapatkan kembali jurang ekonomi menerusi pemeraksanaan komuniti, projek berteraskan konsep lestari, projek pembangunan untuk pemulihan serta projek ketersambungan digital.

Menerusi fokus ini, usaha

GLC dan GLIC akan menyokong aspirasi kerajaan memulih dan membangunkan semula ekonomi secara holistik dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

S: Apakah aspirasi Datuk Seri bagi hala tuju GLC/GLIC untuk pemulihan dan pertumbuhan ekonomi bagi menyumbang kepada kemakmuran rakyat dan negara?

J: Pada 2021, kerajaan melalui Kementerian Kewangan memperkenalkan inisiatif bertujuan mengukuhkan semula peranan serta memperbaharui kepercayaan GLC dan GLIC, terutama di dalam landskap pengoperasian yang berubah dengan begitu cepat sekali susulan pandemik COVID-19.

Program penyusunan semula fungsi dan peranan GLC/GLIC semakin giat diusahakan sejak September 2021. Insya-Allah ia dapat memangkinkan perubahan melalui pembinaan semula ekonomi negara secara berperingkat, agar manfaat sosio-ekonomi dapat dikecapi semua ahli Keluarga Malaysia secara inklusif.

Inisiatif ini antara lain, menasihatkan penyusunan semula entiti di dalam ekosistem GLC/GLIC bagi mengoptimalkan sumber fiskal kerajaan, menambah baik sistem tabir urus, meningkatkan hasil sasaran, memajukan pertumbuhan baharu melalui sektor strategik dan memangkinkan pelaburan di dalam industri kelestarian.

Satu keperluan semakin mendesak susulan impak COVID-19 ialah penyusunan semula sistem keselamatan sosial. Selain itu, kerajaan juga memulakan projek tertentu seperti mewujudkan satu ekosistem bersepadu bagi meneroka industri berteraskan digital, serta teknologi 4IR dan 5G.

Khazanah Nasional juga menubuhkan Dana Impak bernilai RM6 bilion untuk tempoh lima tahun akan datang. Di antara tujuan dana ini termasuk mengekalkan daya saing Malaysia di persada global, membangunkan ketahanan iklim, memastikan keselamatan makanan dan sumber tenaga, ada peluang pekerjaan, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan berkualiti kepada semua serta memupuk masyarakat berteraskan digital dan teknologi.

Insya-Allah, dengan semangat usaha sama di antara kerajaan, GLC/GLIC dan pihak swasta, serta NGO, saya yakin kita mampu menangani impak pandemik dan membina semula sebuah negara lebih makmur untuk kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia.

“Program penyusunan semula fungsi dan peranan GLC/GLIC semakin giat diusahakan sejak September 2021. Ia dapat memangkinkan perubahan melalui pembinaan semula ekonomi negara secara berperingkat, agar manfaat sosio-ekonomi dapat dikecapi semua ahli Keluarga Malaysia secara inklusif”